



BULAN BAHASA 2013

PERINCIAN PROGRAM RAKAN SOKONG



BULAN BAHASA 2013

FORUM SISWA (RESEARCH FORUM)

oleh Dr. Azhar Ibrahim

Forum Siswa ialah satu wadah perbahasan yang bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan dan perkongsian wacana sastera serta pemikiran.

Forum tahunan ini akan melibatkan penyertaan siswa-siswi dari Universiti Kebangsaan Singapura, Institut Pendidikan Nasional (Universiti Teknologi Nanyang), dan UniSIM termasuk para siswa-siswi yang melanjutkan pengajian khasnya dalam Pengajian Melayu di luar negara. Setiap wakil dari institusi pengajian tinggi ini akan membentangkan makalah kajian mereka. Forum ini disokong Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), manakala Dr Azhar Ibrahim menjadi konvenornya.

DR. AZHAR IBRAHIM

Dr Azhar Ibrahim ialah Felo Pelawat di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Singapura (NUS). Minat penyelidikan beliau termasuk Sosiologi Agama, Sosiologi Sastera, Kesusasteraan Melayu klasik dan moden, bahasa Melayu dan Pembangunan Intelek. Penyelidikan yang diminati beliau juga termasuk meneroka perspektif pedagogi kritikal dan teologi transformasi.

MENGALIH BAHASA SASTERA MELAYU (TRANSLATING MALAY LITERATURE)

oleh Majlis Pembangunan Buku Negara Singapura

Melalui sidang ini, para peserta akan pelajari tentang manfaat, cabaran dan kepentingan menterjemahkan Kesusasteraan Melayu.

Sidang ini akan membincangkan isu-isu termasuk jangkauan kesusasteraan Melayu di luar pembaca Melayu, dan kebimbangan seorang pengarang terhadap terjemahan dan peranan penterjemah berhubung dengan penulis.

Panel itu akan terdiri daripada penulis Encik Mohamed Latiff Mohamed dan penterjemah Encik Peter Augustine Goh serta Encik Shaffiq Selamat. Sesi ini akan dikendalikan oleh Cik Nur-el-Huda dari Pustaka Nasional.

MAJLIS PEMBANGUNAN BUKU NEGARA

Majlis Pembangunan Buku Negara Singapura ialah sebuah pertubuhan kebajikan tidak berasaskan keuntungan yang komited untuk menangani keperluan penerbit, pembekal buku, perpustakaan serta pembaca dan komuniti sastera. Ditubuhkan pada tahun 1969, ia telah menyediakan persada bagi perpustakaan yang bertenaga dan komuniti seni sastera di Singapura selama tiga dekad.

Majlis Buku memulakan Festival Buku dan Pesta Buku pada tahun 1969, dan dengan Pameran Reed melancarkan Eksopo Perpustakaan Antarabangsa (ILE) pada tahun 1998. Sejak tahun 1990 Majlis ini telah menganjurkan Hadiah Kesusasteraan Singapura yang berprestij. Pada Januari 2006, Pusat Penulis Singapura (SWC) telah ditubuhkan dengan sokongan Majlis Seni Kebangsaan. SWC telah menyediakan khidmat nasihat kepada penulis-penulis yang bercita-cita, dengan menjawab pertanyaan mereka mengenai penulisan dan penerbitan, dan mengarahkan mereka ke saluran yang relevan.



FAMILY matters!



BULAN BAHASA 2013

BENGKEL KEUTUHAN KELUARGA DAN TAYANGAN FILEM PENDEK

Oleh Cik Siti Hamidah Bahashwan dan Club HEAL

Program ini bertujuan untuk menyampaikan kepentingan untuk membina keutuhan keluarga dan bagaimana untuk menghadapi tekanan dalam kehidupan dan pekerjaan.

Cik Siti Hamidah Bahashwan, seorang kaunselor dan konsultan keluarga akan mengetuai sebuah perbincangan, ditemani oleh Dr Radiah Salim tentang kepentingan keutuhan keluarga dan bagaimana untuk menghadapi isu-isu luaran, termasuk tekanan di tempat kerja, rumah dan sekolah.

Mereka juga akan memberikan tip-tip praktikal tentang bagaimana untuk menghadapi tekanan-tekanan ini dengan menggalakkan dan menyarankan cara-cara bagaimana ahli keluarga dapat berkomunikasi antara satu sama lain tentang masalah yang mungkin akan mereka hadapi dalam kehidupan sehari-hari.

Program ini disokong oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF).

CLUB HEAL

Club HEAL telah berdaftar dengan Pendaftar Persatuan pada Februari 2012 (No. Pendaftaran: T12SS0028K) oleh sekumpulan individu yang mempunyai semangat serupa untuk membantu orang yang mempunyai penyakit mental dan keluarga mereka untuk menjalani kehidupan yang bermakna dan bebas stigma.

Kami mengendalikan perkhidmatan jagaan hari pemulihan psikiatrik di mana pendidikan psiko dan kaunseling sokongan kepada mereka yang mempunyai penyakit mental dan juga keluarga mereka disediakan. Kami juga menyediakan program-program jangkauan kepada mereka dan masyarakat umum.

Sementara khidmat pemulihan hari Club HEAL disediakan untuk keperluan masyarakat Muslim, kami juga menyediakan khidmat ini kepada sesiapa yang mempunyai penyakit mental, tidak kira bangsa atau agama.



BULAN BAHASA 2013

SESI MEMBACA SECARA INTERAKTIF BERSAMA MOO-O

Oleh Encik Benson Loo / EyePower Games

Sebuah sudut membaca interaktif akan disediakan pada hujung minggu pelancaran Bulan Bahasa, di mana keluarga dan anak-anak dapat membaca bersama sambil melakonkan babak-babak yang terdapat dalam cerita-cerita ini melalui sofwe bercerita digital dinamakan “Moo-O”.

Sofwe ini yang dicipta oleh EyePower Games, akan memberi panduan kepada pembaca melalui proses pembacaan cerita-cerita ini, merakam diri sebagai watak dalam kisah-kisah ini dan melihat kembali klip-klip rakaman mereka bersama. Pengguna kemudian boleh memuatnaik klip-klip berita mereka ke akaun Facebook atau Twitter mereka.

Kanak-kanak akan digalakkan untuk berlatih bahasa Melayu lisan dan tulisan mereka secara imaginatif di dalam lingkungan rakan-rakan dan ahli keluarga mereka.

EYEPOWER GAMES

EyePower Games berhasrat untuk mewujudkan platform teknologi yang membolehkan pengguna untuk mengalami sendiri persekitaran kaya-media yang meningkatkan pembelajaran dan kerjasama. Dengan memanfaatkan teknologi pengimejan yang unik, ia menghasilkan Newsmaker dan Moo-O - sasaran strategik untuk digunakan dalam pengajaran seni bahasa dan bahasa merentasi kurikulum, yang telah memenangi anugerah di Amerika Syarikat sebagai perisian pendidikan yang cemerlang. EyePower Games terus memberikan impak dalam industri perisian pendidikan melalui perkongsian teknologi video dengan reka bentuk inovatif perisian pendidikan yang memperkasa pelajar abad ke-21.



BULAN BAHASA 2013

GERAI PENERBIT

Oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)

Beberapa penerbit buku Bahasa Melayu akan memamer dan menjual pelbagai penerbitan mereka semasa hujung minggu pelancaran Bulan Bahasa.

Gerai ini telah dilaksanakan sebagai respons pada maklum balas mengenai kesukaran mendapatkan penerbitan Melayu tempatan.

Penerbit yang akan mengambil bahagian termasuk Alam Cahaya, EDN Media, Nuda Limited, Pustaka Nasional, Darul Andalus dan PERSAMA.

MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (MBMS)

Majlis Bahasa Melayu di Singapura ditubuhkan pada bulan April 1981 sebagai Jawatankuasa Pembakuan Ejaan Melayu oleh Kementerian Kebudayaan Singapura. Jawatankuasa ini bertugas memastikan semua ejaan bahasa Melayu yang digunakan di Singapura ditulis dengan betul menurut kaedah baru ejaan rumi yang dipakai di Malaysia dan di Indonesia.

Pada tahun 1983, Jawatankuasa Ejaan tersebut diubah menjadi Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura yang diletakkan di bawah naungan Kementerian Kebudayaan dan sekarang, Kementerian Penerangan dan Kesenian. Dari tugas memantau sistem ejaan bahasa Melayu di Singapura, fungsi Jawatankuasa Bahasa Melayu diperluas kepada mengembang dan memajukan bahasa Melayu di Singapura. Memandangkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan semakin luas dalam bidang bahasa Melayu, Jawatankuasa tersebut telah dinaikkan statusnya menjadi sebuah "Majlis". Dengan itu, pada bulan September 1992, Jawatankuasa tersebut dikenali sebagai Majlis Bahasa Melayu Singapura(MBMS).

SUDUT PERPUSTAKAAN

Oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Sudut Perpustakaan akan menampilkan koleksi yang kaya dengan sumber-sumber bahasa Melayu, termasuk bahan-bahan bacaan dan audio-visual, yang akan disediakan untuk pinjaman.

Sudut ini menggalakkan pengunjung mengambil kesempatan daripada sumber-sumber ini untuk memperkayakan diri mereka dan mengembangkan pengetahuan mereka mengenai bahasa Melayu. Pengunjung juga berpeluang untuk membawa pulang hadiah dengan mengambil bahagian dalam kuiz.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezakan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.



National Library Board
Singapore



BULAN BAHASA 2013

SESI TEMAN MEMBACA

Oleh Madrasah Al-Arabiah dan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Ini merupakan usaha sama oleh pelajar-pelajar dari Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah dan Inisiatif Membaca dari Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Di sesi sepanjang hari ini, teman membaca dari Madrasah Al-Arabiah akan menghiburkan kanak-kanak dengan cerita rakyat Melayu yang dipilih dari penerbitan bahasa Melayu "Cerita Rakyat Asia", yang dihasilkan oleh NLB.

Kanak-kanak akan menikmati kekayaan isi kandungan cerita-cerita ini di samping mempelajari tentang bagaimana untuk membacanya melalui teman-teman membaca ini.

MADRASAH AL-ARABIAH AL-ISLAMIAH (MAI)

Sheikh Omar Bamadhaj merupakan pengasas madrasah pada sekitar 1937 di Hillside Drive dan menamakannya Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah. Pada tahun 1950-an, ia telah menjadi sebuah sekolah yang menyediakan pendidikan agama yang mapan. Madrasah ini telah musnah dalam sebuah kebakaran pada pertengahan tahun 80-an. Persatuan Muhammadiyah kemudian mengambil alih pengurusan sekolah pada akhir tahun 80-an dan mendaftarkan sekolah tersebut dengan Kementerian Pendidikan (MOE).

Pada Disember 2008, MAI menjadi salah satu dari tiga sekolah JMS (Joint Madrasah System) dan telah berpindah ke tapak terkininya iaitu di Lorong 6 Toa Payoh pada Jun 2009. MAI merupakan salah satu madrasah di bawah JMS. Di bawah JMS, MAI akan menjadi sebuah sekolah menengah keislaman yang menawarkan kurikulum GCE Peringkat "O"

Dua madrasah lain adalah Madrasah Aljunied (kurikulum seminari) dan Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah (Rendah).

Menjelang 2014, MAI akan menjadi sekolah menengah penuh. Kumpulan pertama pelajar-pelajar menengah satu dari Madrasah Irsyad dijangkakan akan menyertai MAI pada 2015.

STORYGAMI

Oleh Kelab Masyarakat Kolam Ayer & Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

'Storygami' ialah sesi bercerita yang sama-sama dihasilkan oleh Lembaga Perpustakaan Negara dan Kelab Masyarakat Kolam Ayer.

Tukang cerita akan melibatkan para peserta dengan cerita mitos dan lagenda. Sesi bercerita yang menyeronokkan ini akan disusuli dengan sesi kraf origami.

KELAB MASYARAKAT KOLAM AYER


Kelab Masyarakat Kolam Ayer ada kaitan dengan *Kolam Ayer Performing Art Cultural Troupe* (KAyPACT) (KAyPACT) yang terdiri daripada 40 penari pelbagai budaya, yang diketuai oleh sepasukan tiga orang pereka taari - Encik Ranjit Singh, Cik Mazlina Buang dan Cik Cindy Loh.

Kebanyakan penari daripada KAyPACT ialah penduduk Kolam Ayer. Mereka berusia dari 8 hingga 36 tahun. Mereka menghabiskan setiap hari Sabtu berlatih bersama-sama di kelab masyarakat. Ramai daripada mereka telah bersama KAyPACT sejak kumpulan itu ditubuhkan pada tahun 2000.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezakan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

THE KAMPONG DAYZ! (KRAF DAN PERMAINAN MELAYU TRADISIONAL)

Oleh Kelab Masyarakat Kolam Ayer

Peserta akan menikmati aktiviti-aktiviti yang mengimbau masa silam.

Aktiviti-aktiviti ini termasuk:

- Melukis Batik

Pelajari bagaimana untuk menggunakan alat-alat tradisional seperti tjanting dan penggunaan pewarna, untuk menghasilkan sebuah karya batik asli.

- Membuat Wau

Wau bulan merupakan layang-layang berbentuk bulan, dihiasi dengan rekaan-rekaan rumit yang unik dalam budaya Melayu. Mari ambil bahagian dalam bengkel membuat wau ini dan pelajari teknik-teknik bagaimana menggunakan pelbagai jenis kertas untuk menghasilkan reka bentuk dan menghidupkan corak-corak pada sebuah struktur wayar wau yang telah disediakan terlebih dahulu.

- Gasing

Gasing ialah satu permainan tradisional yang popular dalam masyarakat Melayu. Saksikan demonstrasi gasing oleh veteran dan peminat gasing yang akan perkenalkan pelbagai jenis Gasing.

Aktiviti-aktiviti yang kaya dengan budaya Melayu dan warisan ini menyediakan pengalaman menyeronokkan untuk seisi keluarga.

KELAB MASYARAKAT KOLAM AYER

Kelab Masyarakat Kolam Ayer ada kaitan dengan *Kolam Ayer Performing Art Cultural Troupe* (KAyPACT) yang terdiri daripada 40 penari pelbagai budaya, yang diketuai oleh sepasukan tiga orang pereka taari - Encik Ranjit Singh, Cik Mazlina Buang dan Cik Cindy Loh.

Kebanyakan penari daripada KAyPACT ialah penduduk Kolam Ayer. Mereka berusia dari 8 hingga 36 tahun. Mereka menghabiskan setiap hari Sabtu berlatih bersama-sama di kelab masyarakat. Ramai daripada mereka telah bersama KAyPACT sejak kumpulan itu ditubuhkan pada tahun 2000.



BULAN BAHASA 2013

SEMARAK PANTUN

Oleh Cikgu Mohd Naim Daipi

Acara anjuran Guru Pakar dan penyair, Cikgu Mohd Naim Daipi ini mengetengahkan selebriti dunia Melayu yang akan berhadapan dengan para peserta yang pernah mengikuti bengkel pantun MASTERA.

Dalam acara ini nanti, mereka akan berjual beli pantun dan menjawab pantun-pantun yang dikemukakan oleh orang ramai.

CIKGU MOHD NAIM DAIPI

Cikgu Mohd Naim mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kota Raja dan Sekolah Menengah Tun Seri Lanang, dan menjadi seorang guru Bahasa Melayu dari tahun 1967 sehingga beliau bersara pada tahun 2010.

Cikgu Mohd Naim juga telah melahirkan banyak sumber pengajaran dan berkhidmat sebagai pensyarah sambilan, seorang mentor untuk bengkel pengajaran bahasa Melayu, Ketua Jabatan Bahasa Ibunda dan Guru Pakar. Beliau juga telah terlibat dengan badan-badan termasuk Angkatan Sasterawan Singapura '50 (ASAS 50), MENDAKI, Majlis Pusat, Persatuan Kebudayaan Melayu (Badan Kesenian Melayu), Kelab Masyarakat Tampines West, MESRA dan Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Antara anugerah yang diterima oleh Cikgu Mohd Naim termasuk *Pingat Bakti Masyarakat* (2003), *Anugerah Guru Arif Budiman* (2007), *Fellow of Teachers Network* (2005, 2008 & 2009) dan *Outstanding Resources Teachers Award* (2008).

DEMONSTRASI SILAT

Oleh Persekutuan Silat Singapura (PERSISI)

Persembahan yang bertenaga ini akan mempamerkan senjata-senjata yang sering digunakan dalam ilmu pertahanan diri ini. Pengunjung yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang seni ini boleh mendapatkan penjelasan dan demonstrasi daripada para persilat.

Para pengunjung juga berpeluang untuk mencuba sendiri gerak asas persilatan. Persembahan ini akan mempamerkan tiga unsur bela diri silat, iaitu bunga-bunga silat, seni permainan bersenjata dan tanpa senjata, serta seni kuncian.

Persembahan silat mempamerkan kekayaan budaya dalam seni bela diri Melayu dan peranan bahasa dalam perkembangan pembelajaran seni silat. Ia juga berupaya untuk mempamerkan ketiga-tiga aspek penggunaan bahasa yang ingin disampaikan oleh penganjur iaitu Bahasa Ilmu, Bahasa Budaya dan Bahasa Mesra.

PERSEKUTUAN SILAT SINGAPURA (PERSISI)

Persekutuan Silat Singapura (PERSISI) telah ditubuhkan pada tahun 1976. Ketika itu terdapat 20 ahli gabungan dan 32 kelab Silat yang giat menjalankan latihan Silat serata Singapura. Persekutuan Silat Singapura ialah badan memerintah utama untuk sukan ini, meliputi skop yang luas, seperti pengurusan aktiviti Silat, bimbingan, mencari bakat, menyelaras pertandingan di seluruh dunia, perasmian teknikal, dan promosi budaya seni untuk institusi pendidikan, syarikat, dan masyarakat.

Persekutuan Silat Singapura juga bekerja dengan badan-badan seperti Majlis Sukan Singapura (SSC), Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC), Persatuan Rakyat (PA), Persekutuan Pencak Silat (PERSILAT), dan rakan-rakan lain untuk mengekalkan kesedaran tentang sukan tempatan dan antarabangsa.

GIG YOUTUBE: BOOKS TO BEATS
Oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Hiburkan hati dengan penghibur-penghibur muzik tempatan yang muda lagi berbakat dari YouTube yang akan membuat tafsiran mereka sendiri mengenai karya pilihan sastera Melayu ke dalam persembahan secara langsung dalam acara anjuran bersama Open Mic @JRL sebuah program Lembaga Perpustakaan Negara (NLB).

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezakan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.



BULAN BAHASA 2013

PERSEMBAHAN SENI TRADISIONAL

Oleh Sekolah Rendah Sembawang dan Sekolah Rendah Jiemin

Anda pasti akan terpukau dengan pakaian berwarna-warni dan keanggunan penari-penari muda Melayu dan pemain-pemain Angklung dari pelbagai sekolah rendah.

SEKOLAH RENDAH SEMBAWANG

Terletak di tengah-tengah flat-flat tinggi HDB, Sekolah Rendah Sembawang ialah sebuah sekolah yang dibanggakan masyarakat. Ia telah berkembang secara berterusan dalam memupuk anak-anak menjadi individu yang Penyayang, mampu menCapai, Bertanggungjawab dan Efektif.

Sekolah Rendah Sembawang juga berusaha untuk mencapai wawasan untuk menjadikan "Setiap pelajar seorang Pemenang". Sekolah ini komited untuk memupuk pelajar dengan tabiat dan nilai-nilai yang betul sebagai asas untuk kejayaan masa depan mereka.

SEKOLAH RENDAH JIEMIN

Sekolah Rendah Jiemin bermula operasi di Yishun Street 71 pada Januari 1985 dengan 23 buah bilik darjah dan juga menampung lagi 16 buah bilik darjah untuk Sekolah Rendah Peixin. Pada Mac tahun yang sama, lagi 13 buah bilik darjah dari Sekolah Rendah West Hill bergabung dengan sekolah ini, menjadikan jumlah keseluruhan bilik darjah kepada 52 buah. Pada Jun tahun yang sama, murid-murid Peixin berpindah ke tapak mereka sendiri di Yishun Ring Road.

Nama sekolah Jiemin berasal dari dua buah sekolah tradisional Cina iaitu Sekola Awam Jiegu dan Quanmin, yang beroperasi di Bukit Merah sebelum ditutup pada 1984.

Keutamaan kami adalah untuk menyediakan sebuah pendidikan yang bermakna dan seimbang untuk para pelajar kami. Kami memberi penekanan yang kuat pada kejayaan akademik dan juga Aktiviti Ko-kurikulur.

BANGSAWAN TAJUL GASPAR

Oleh TEATRO Politeknik Temasek

Bangsawan ringkas ini telah diilhamkan daripada cerita animasi bertajuk "The Three Brothers", yang dipaparkan dalam filem "Harry Potter dan Azimat Maut".

Selepas klip animasi dipaparkan, cerita ditafsir semula dalam gaya bangsawan, iaitu satu bentuk opera Melayu tradisional. Persembahan ini akan menunjukkan bangsawan sebagai medium yang amat berkesan untuk bercerita dan persembahan.

Dipersembahkan dalam bahasa Melayu Klasik, pementasan ini juga akan menunjukkan bagaimana gaya bahasa digunakan dalam penerbitan ini. Bangsawan ini akan menampilkan pelakon-pelajar dari Politeknik Temasek. Penerbitan ini juga akan memaparkan pelakon-pelajar yang bukan Melayu.

TEATRO (DRAMATEC DAN TITISAN)

Teatro yang bermaksud Teater dalam bahasa Sepanyol ialah satu konglomerat kumpulan drama bahasa Inggeris, DramaTec, dan kumpulan drama Melayu, Titisan.

Teatro menerbitkan banyak pementasan teater setiap tahun; skrip, arahan dan lakonan oleh ahli-ahli mereka. Teatro diarahkan oleh Encik Anwar Hadi Bin Ramli.



BULAN BAHASA 2013

PERSEMBAHAN ACAPELLA

Oleh Vocaluptuous

Persembahan ini akan memperlihatkan kumpulan tanahair terkenal Vocaluptuous melakukan adunan segar kepada beberapa lagu tradisional Melayu, termasuk Selamat Datang, Getaran Jiwa dan Geylang Si Paku Geylang.

Terkenal dengan gaya tradisional dan moden yang digabung secara eklektik, Vocaluptuous akan memukau penonton Melayu dengan irama-irama yang biasa kedengaran, di masa yang sama juga mampu menarik penonton bukan Melayu dengan gaya mereka.

VOCALUPTUOUS

Vocaluptuous merupakan kumpulan acappella kegemaran Singapura. Ditubuhkan pada 1997, ia telah secara berterusan menghiburkan kedua-dua penonton tempatan dan luar sepanjang sejarah 15 tahun mereka.

Dari segi muzik, Vocaluptuous berani mencuba sesuatu yang baru dan menyegarkan, yang gemar campuran eklektik gaya-gaya muzik seperti tradisional, jaz, bossa nova, R&B dan pop, di samping berbilang bahasa seperti Cina, Melayu, Jepun, Itali, Portugis dan juga Hindi. Vocaluptuous berbeza dengan jenama unik muzik Singapura mereka, mencipta sebuah bunyi yang mana warga tempatan dapat segera hayati dan pada masa yang sama akan memberikan gambaran budaya kepada warga asing.

Unik dari segi vokal dan visual, Vocaluptuous berada di tangga teratas di kalangan bakat acapella di Singapura.



BULAN BAHASA 2013

MALAM MUZIKAL

Oleh Art Fazil, Momo Latif dan Lain-lain

Ahli muzik tempatan, Art Fazil akan mengetuai sebuah malam muzikal yang akan memaparkan gabungan gaya muzik tradisional dan kontemporari. Malam akan dimulakan dengan persembahan dondang sayang oleh penyanyi veteran Momo Latif, diiringi oleh Kumpulan Muzik Tradisional Era.

Ini akan diteruskan dengan persembahan-persembahan oleh Art Fazil, Imuda, Arif Samsudin, Tukang Kata, Siti Zahidah, Akeem Jahat dan Dan Loco.

ART FAZIL

Art Fazil menghabiskan masa kanak-kanaknya di Singapura dan Malaysia. Bapanya merupakan seorang pelakon pentas dan pelawak yang dikenali sebagai Musa Rocket yang telah memberikannya pengalaman pentas pertama ketika beliau berumur empat tahun. Art mula menulis lagu ketika berusia 13. Pada umur 18 tahun, Art telah menulis lagu-lagu untuk nama-nama besar serantau seperti Ramli Sarip dan Ella.

Pada 1991, beliau telah membentuk sebuah kumpulan rok rakyat yang diberi nama Rausyanfikir bersama dua teman sekolah, Esham Jamil dan Mohd Khair Mohd Yasin. Kumpulan ini telah merakamkan dua album yang signifikan- Rausyanfikir (1992) dan Rusuhan Fikiran (1994). Dipengaruhi oleh hasil karya Iwan Fals, Usman Awang dan Kembara, kumpulan ini menulis lagu-lagu yang memaparkan isu-isu seperti kesedaran sosial, politik dan pemeliharaan budaya di dalam arus kemodenan. Kedua-dua album mendapat sambutan baik, hampir 50,000 album telah terjual. Single mereka "Fikir-Fikir" telah diberi anugerah "Best Local Malay Composition 1997" oleh COMPASS (Composers and Authors Society of Singapore)



BULAN BAHASA 2013

HIDUP BAHASA. HIDUP WARISAN. (ARTIFAK DARI ACM)

Oleh Muzium Tamadun Asia (ACM), Madrasah Aljunied Al-Islamiah & Institut Pendidikan Nasional (NIE)

Program projek kerjasama antara Muzium Tamadun Asia (ACM), pelajar-pelajar dari Institut Pendidikan Nasional (NIE) dan Madrasah Aljunied Al-Islamiah.

Muda dan bertenaga, pelajar-pelajar ini akan menarik minat pengunjung dengan sejarah dan cerita-cerita di sebalik koleksi artifak muzium dari kepulauan Melayu. Artifak-artifak ini telah dipilih khas oleh kurator untuk pengunjung Bulan Bahasa Melayu 2013.

MADRASAH ALJUNIED AL-ISLAMIAH

Madrasah Aljunied ialah sekolah agama kedua tertua di sini selepas Madrasah Alsagoff (ditubuhkan pada 1912). Ia diasaskan oleh Syed Abdul Rahman Aljunied dan dibina pada tahun 1927 di atas tanah wakaf perkuburan Kampung Glam yang telah dimulakan oleh ahli perniagaan terkenal Arab, Syed Omar Ali Aljunied.

Madrasah Aljunied Al-Islamiah merupakan institusi pembelajaran Islam utama Singapura. Sekolah yang bereputasi antarabangsa ini mempunyai alumni terkenal yang merupakan pemimpin utama Islam di Singapura dan juga di Asia Tenggara.

INSTITUT PENDIDIKAN NASIONAL (NIE)

NIE ialah institut latihan guru di Singapura yang mempunyai visi untuk menjadi sebuah institusi yang cemerlang dan bermisi untuk mewujudkan institusi bertaraf dunia yang terkenal dengan kecemerlangan dalam pendidikan guru dan penyelidikan pendidikan.

Sistem pendidikan Singapura telah dinobat sebagai salah satu sistem pendidikan yang paling berjaya di dunia. Ini disebabkan oleh semangat dan ketabahan lebih daripada 33,000 guru yang berdedikasi. NIE berbangga untuk memanggil komuniti ini rakan-rakan kami dan bekerja bersama dengan mereka untuk meningkatkan kualiti dan kesan sistem pendidikan kita untuk masa hadapan.

MUZIUM TAMADUN ASIA (ACM)

Muzium Tamadun Asia (ACM) ialah muzium pertama di rantau ini untuk membentangkan satu perspektif yang luas lagi bersepadan budaya dan tamadun pan-Asia. Sebagai salah satu Muzium Nasional Singapura di bawah Lembaga Warisan Negara, ia bertujuan untuk menggalakkan



BULAN BAHASA 2013

penghayatan yang lebih baik tentang budaya yang kaya untuk membentuk masyarakat berbilang kaum di Singapura.



BULAN BAHASA 2013

CERITA RAKYAT DAN DONGENG MELAYU

Oleh Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah

Dengan pakaian berwarna-warni, para pelajar dari Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah akan menghidupkan cerita rakyat dan dongeng Melayu melalui drama.

Cerita-cerita yang akan dipaparkan termasuk Si Tanggang, Singapura Dilanggar Todak dan Batu Belah Batu Bertangkup.

MADRASAH AL-IRSYAD AL-ISLAMIAH

Dari Madrasah kecil yang memberi tumpuan penuh untuk menawarkan pendidikan asas agama kepada penduduk kampung di utara Singapura, Irsyad kini merupakan Madrasah moden. Dalam kalangan masyarakat Melayu/Islam di Singapura, ia dibina khusus untuk membangunkan satu generasi Asatizah dan Ulama masa hadapan yang akan menjadi peserta aktif dan penyumbang positif kepada masyarakat Islam dan negara secara keseluruhannya.

Oleh itu, kurikulum Irsyad kini mengambil kira konteks semasa umat Islam di Singapura yang unik dan juga mencabar dalam abad ke-21 ini.



National Library Board
Singapore



SESI BERTEMU PENULIS:

Jumaini Ariff

Oleh Lembaga Perpustakaan Nasional (NLB)

Munirah Jaafar

Oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)

Dua penulis popular bahasa Melayu akan membuat penampilan khas pada Bulan Bahasa 2013.

Pengarang siri buku kanak-kanak, 'Ariff Ingin Tahu, Jumaini Ariff akan mengadakan sesi bercerita serta kraf terutama bagi pengunjung muda pada hujung minggu. Cerita ini akan menyentuh mengenai pelajaran penting mengenai bakti dan kepentingan keluarga dalam kehidupan kanak-kanak.

Munirah Jaafar, penulis novel remaja, 'Ikhlas A.K!' Dan 'Nah, untuk awak!' akan berkongsi petikan dari novel baharu beliau bertajuk, 'Tunggu Aira di Kota Bandung'. Peminat akan juga berpeluang untuk mendapat salinan buku yang ditandatangani beliau pada majlis itu.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezakan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.

MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (MBMS)

Majlis Bahasa Melayu di Singapura ditubuhkan pada bulan April 1981 sebagai Jawatankuasa Pembakuan Ejaan Melayu oleh Kementerian Kebudayaan Singapura. Jawatankuasa ini bertugas memastikan semua ejaan bahasa Melayu yang digunakan di Singapura ditulis dengan betul menurut kaedah baru ejaan rumi yang dipakai di Malaysia dan di Indonesia.

Pada tahun 1983, Jawatankuasa Ejaan tersebut diubah menjadi Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura yang diletakkan di bawah naungan Kementerian Kebudayaan dan sekarang, Kementerian Penerangan dan Kesenian. Dari tugas memantau sistem ejaan bahasa Melayu di



BULAN BAHASA 2013

Singapura, fungsi Jawatankuasa Bahasa Melayu diperluas kepada mengembang dan memajukan bahasa Melayu di Singapura. Memandangkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan semakin luas dalam bidang bahasa Melayu, Jawatankuasa tersebut telah dinaikkan statusnya menjadi sebuah "Majlis". Dengan itu, pada bulan September 1992, Jawatankuasa tersebut dikenali sebagai Majlis Bahasa Melayu Singapura(MBMS).



BULAN BAHASA 2013

TEMUI DAN KENALI COURTS YOUNG LIONS

Oleh Persatuan Bolasepak Singapura (FAS)


Sesi temu dan kenal beberapa orang pemain bola sepak Courts Young Lions (CYL), di mana pengunjung akan mendapat peluang untuk bermain perlawanan bola sepak mini bersama mereka.

Di gerai ini, wakil-wakil dari FAS juga akan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu di kalangan peserta melalui penggunaan 'Kad Hijau'. Kad ini akan dikeluarkan kepada peserta yang menunjukkan contoh penggunaan Bahasa Melayu yang baik.

Pengunjung juga akan dapat mengetahui lebih lanjut tentang perkembangan bola sepak tempatan dalam beberapa tahun kebelakangan ini serta berpeluang untuk memenangi cenderamata Courts Young Lions dan LionsXII.

Persatuan Bolasepak Singapura (FAS)

Persatuan Bolasepak Singapura bertanggungjawab untuk memajukan permainan bola sepak di semua peringkat. FAS menyediakan struktur agar permainan dapat berkembang dan mengawal pengendalian bola sepak di Singapura. FAS juga memastikan bahawa Undang-undang Permainan dipatuhi, dari liga profesional Liga S ke liga amatur.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

PERSEMBAHAN KERONCONG

oleh Kumpulan Tradisional Munir dari Kelab Masyarakat Kolam Ayer

Hiburkan hati dengan alunan irama tradisional Melayu kerana Kumpulan Tradisional Munir bakal mendendangkan lagu-lagu seperti Keroncong, Ronggeng, Asli, Masri, Joget dan Zapin. Ini semua adalah irama dan muzik yang mengiringi para penduduk kampung zaman dahulu dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan harian mereka seperti menuai dan juga dalam kehidupan harmoni antara penduduk kampung.

KELAB MASYARAKAT KOLAM AYER

Kelab Masyarakat Kolam Ayer ada kaitan dengan *Kolam Ayer Performing Art Cultural Troupe* (KAyPACT) yang terdiri daripada 40 penari pelbagai budaya, yang diketuai oleh sepasukan tiga orang pereka taari - Encik Ranjit Singh, Cik Mazlina Buang dan Cik Cindy Loh.

Kebanyakan penari daripada KAyPACT ialah penduduk Kolam Ayer. Mereka berusia dari 8 hingga 36 tahun. Mereka menghabiskan setiap hari Sabtu berlatih bersama-sama di kelab masyarakat. Ramai daripada mereka telah bersama KAyPACT sejak kumpulan itu ditubuhkan pada tahun 2000.



BULAN BAHASA 2013

PENTAS KUGIRAN

Oleh Persatuan Penyanyi dan Karyawan Muzik Melayu Singapura (PERKAMUS)

Para penyanyi, penulis lagu dan kumpulan-kumpulan dari PERKAMUS akan mempersembahkan lagu-lagu Melayu yang akan membuat anda berdansa sama. Persembahan termasuk oleh Jamiel Said, Aryan, Pinholes, Outcry, Fyno, Catalogue V, Vibes dan Full Pledge Munkees.

PERSATUAN PENYANYI DAN KARYAWAN MUZIK MELAYU SINGAPURA (PERKAMUS)

PERKAMUS ialah sebuah pertubuhan tidak berdasarkan keuntungan yang ditubuhkan oleh sekumpulan pengamal muzik yang diketuai oleh tokoh veteran muzik Melayu, Pak Yusnor Ef, yang juga penerima Pingat Kebudayaan 2011.

Pertubuhan ini menyokong artis dan pemuzik dalam Industri Muzik Melayu Singapura. PERKAMUS bekerja rapat dengan COMPASS, Mediacorp TV dan Radio, Majlis Seni Kebangsaan (NAC), Kementerian Pembangunan Masyarakat Belia dan Sukan, badan-badan pemerintah Singapura dan juga badan-badan sosial.



BULAN BAHASA 2013

BENGKEL PANTUN

Oleh Cikgu Mohd Naim Daipi

Guru Pakar Mohamed Naim Daipi akan membimbing bengkel penulisan pantun ini.

Selain memahami gaya puisi klasik dan moden, peserta juga akan mengkaji beberapa pelajaran moral dalam puisi Melayu.

Peserta juga akan menerima alat bantuan pengajaran yang digunakan semasa bengkel ini supaya mereka boleh terus menulis dan membaca pantun mereka sendiri selepas tamat bengkel.

Bengkel ini adalah terhad kepada 30 orang peserta.

CIKGU MOHD NAIM DAIPI

Cikgu Mohd Naim mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kota Raja dan Sekolah Menengah Tun Seri Lanang, dan menjadi seorang guru Bahasa Melayu dari tahun 1967 sehingga beliau bersara pada tahun 2010.

Cikgu Mohd Naim juga telah melahirkan banyak sumber pengajaran dan berkhidmat sebagai pensyarah sambilan, seorang mentor untuk bengkel pengajaran bahasa Melayu, Ketua Jabatan Bahasa Ibunda dan Guru Pakar. Beliau juga telah terlibat dengan badan-badan termasuk Angkatan Sasterawan Singapura '50 (ASAS 50), MENDAKI, Majlis Pusat, Persatuan Kebudayaan Melayu (Badan Kesenian Melayu), Kelab Masyarakat Tampines West, MESRA dan Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Antara anugerah yang diterima oleh Cikgu Mohd Naim termasuk *Pingat Bakti Masyarakat* (2003), *Anugerah Guru Arif Budiman* (2007), *Fellow of Teachers Network* (2005, 2008 & 2009) dan *Outstanding Resources Teachers Award* (2008).



BULAN BAHASA 2013

PROJEK MONOLOG ARTISTIK

Oleh Teater Artistik

Projek Monolog Artistik ini akan mementaskan 3 monolog:

Dua di antaranya ialah:

- ‘Taman’, menceritakan kisah kehidupan seorang lelaki yang terpisah dari dunia luar dan alam sekitar.
- ‘Fantasy Boy’, menceritakan kisah watak yang muncul dari alam fantasi di mana impiannya bertukar menjadi realiti. Ketika dalam "realiti" Boy Fantasy menjadi wira yang diperlukan dunia.

TEATER ARTISTIK

Teater Artistik telah ditubuhkan pada November 1986 oleh sekumpulan penggerak teater.

Sejak itu, kumpulan teater ini telah mementaskan banyak produksi pementasan kecil dan berskala besar dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

BAHASA KASIH SAYANG PUPUK KEMESRAAN

Oleh Siti Hamidah Bahashwan

"Bahasa Kasih Sayang Pupuk Kemesraan" merupakan bengkel praktikal bagi ibu bapa kanak-kanak sekolah rendah dan menengah (7 – 16thn). Bengkel ini akan dijalankan dalam bahasa Melayu. Para peserta akan belajar untuk berkomunikasi tentang bahasa kasih sayang anak-anak mereka dalam bahasa Melayu, yang termasuk kata-kata ikrar, masa yang berkualiti, hadiah, sentuhan fizikal atau tindak khidmat untuk menjadi ibu bapa yang penyayang dan menjadi sumber inspirasi.

Program ini akan dibimbing Cik Siti Hamidah Bahashwan, seorang konsultan kekeluargaan, dan disokong Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF).

CIK SITI HAMIDAH S. ABDULLAH BAHASHWAN

Penceramah yang dinamik dan menarik, Cik Siti Hamidah Bahashwan telah bekerja dengan ribuan pasangan muda, ibu bapa, remaja dan kanak-kanak di Singapura, Thailand, Malaysia, Korea, Australia dan Amerika Syarikat.

Beliau ialah seorang perunding yang dicari ramai dan telah muncul sebagai penyampai profesional dalam program radio dan televisyen Singapura. Siti Hamidah telah menulis pelbagai artikel di akhbar-akhbar tempatan dan majalah dan sedang menulis bukunya untuk penerbitan.

Siti Hamidah memegang BA dalam Kerja Sosial dan Sosiologi dan MSc dalam bidang Psikologi dari Universiti Surrey, UK. Pada tahun 2000 beliau menubuhkan sebuah klinik swasta dalam kaunseling, pengantaraan dan latihan, yang menyerlahkan lagi minat beliau dalam membantu orang lain. Pelbagai golongan yang terdiri daripada pelanggan-pelanggan korporat, individu, pasangan dan ibu bapa telah mendapatkan perkhidmatan profesional beliau.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KELUARGA (MSF)

MSF membangunkan keihsanan Singapura melalui dasar-dasar, infrastruktur masyarakat, program-program dan perkhidmatan. Misinya adalah untuk memupuk sebuah masyarakat yang berdaya tahan dan penyayang yang boleh mengatasi cabaran bersama-sama. Sebelum ini kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan. Kementerian ini telah disusun semula secara rasmi pada 1 November 2012.



AIN SOCIETY
Love, Care, Concern



FAMILY matters!



BULAN BAHASA 2013

ENJIT-ENJIT SEMUT

Oleh Encik Haji Md Yusof dan Ain Society

“Enjit-Enjit Semut” adalah sebuah bengkel motivasi yang akan memberi galakan kepada individu-individu untuk membuat perubahan positif dalam kehidupan. “Enjit-Enjit Semut” merupakan sebuah lagu rakyat Melayu yang lazim dinyanyikan oleh kanak-kanak. Korus lagu yang berbunyi “Enjit enjit semut, siapa sakit naik atas”, memberi penekanan pada kepentingan untuk berpindah dari “kawasan selesa” seseorang atau apabila seseorang berasa sakit dan perlu berusaha untuk melakukan sedemikian. Sesiapa yang enggan naik ke atas dan tetap berada di bawah akan terus berasa sakit.

Objektif bengkel ini adalah untuk menjalinkan ikatan kekeluargaan yang kuat. Ini adalah kerana institusi kekeluargaan adalah unit dasar dalam sesebuah masyarakat. Keluarga yang sentiasa utuh dan rapat yang ada nilai-nilai positif sebagai budaya akan lebih mampu menghadapi cabaran.

Program ini disokong oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga.

ENCIK HAJI MD YUSOF ISMAIL

Encik Haji Md Yusof Ismail merupakan seorang kaunselor bertauliah veteran dan pelatih kemahiran-hidup. Beliau telah dianugerahkan “Certified Substance Abuse Counsellor” dari “World Federation of Therapeutic Communities”, New York, Amerika Syarikat. Beliau juga memperolehi Sijil Profesional dalam Kerja Kemasyarakatan dari Universiti Curtin. Encik Haji Md Yusof sering menganjurkan bengkel-bengkel untuk remaja-remaja dan ibu bapa mereka untuk Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), “Probation Services Branch.” Beliau juga menganjurkan banyak bengkel, seminar dan perkhemahan untuk belia-belia tempatan dan luar, yang memberikan penumpuan pada pembentukan watak. Encik Haji Md Yusof Ismail juga merupakan orang sumber untuk media cetak terutamanya Berita Harian dan The Straits Times, dan sering diundang untuk berada di program-program di Saluran Suria dan juga Radio. Beliau juga merupakan penulis jemputan untuk ruangan mingguan di Berita Harian yang menyentuh isu seperti keibubapaan dan belia.

AIN SOCIETY

Ain Society merupakan badan sukarela yang berdaftar dengan Pendaftar Persatuan pada 10 Oktober 2000 dan digabungkan bawah Majlis Kebangsaan Pekhidmatan Sosial.

Ia telah ditubuhkan pada tahun 2000 oleh 12 aktivis yang menetap di Woodlands untuk memberi khidmat di kawasan sebelah utara Singapura. Semakin ia berkembang, kumpulan sasarannya juga telah berkembang ke seluruh Singapura.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

BAHASA MARTABAT BANGSA (PERSEMBAHAN BUDAYA)


Oleh Kelab Masyarakat Clementi

Acara ini akan menyatukan pelbagai aktiviti kebudayaan, termasuk bacaan sajak, tarian Melayu dan bercerita.

Para penonton juga boleh menikmati bacaan puisi oleh tokoh-tokoh sastera, termasuk penulis dan penyair Singapura, Rohman Munasip, yang akan membaca tulisan beliau bertajuk 'Belada Seorang Penyair Di Pentas Bangsanya', dan Encik Zulkifli bin Rashid, seorang aktivis budaya dari Istana Budaya, Malaysia.

KELAB MASYARAKAT CLEMENTI

Kelab Masyarakat Clementi adalah salah satu daripada beberapa kelab masyarakat yang mempunyai e-Club yang menawarkan penduduk melayari internet dan kemudahan komputer yang lain seperti mengimbas dan percetakan pada harga yang berpatutan. Peminat sukan juga boleh menikmati matahari dan pasir di gelanggang Bola Tampar Pantai Clementi yang terletak di tengah-tengah kawasan perumahan. Berdekatan, terdapat Perpustakaan Komuniti Kanak-kanak yang terletak di Blk 322 Clementi Ave 5.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

BENGKEL MEDIA BAHARU

Oleh Kelab Masyarakat Bukit Panjang

Bengkel ini bertujuan untuk memupuk minat pelajar dalam penggunaan media baharu di samping menggalakkan mereka untuk membangunkan dan memperbaiki penggunaan Bahasa Melayu melalui medium digital seperti majalah dalam talian.

Program ini akan menggunakan unsur-unsur teori dan amali supaya pelajar boleh digalakkan untuk belajar dan mengamalkan tip-tip belajar dalam masa mereka sendiri. Pelajar juga akan diajar untuk menulis skrip berita, dan menyunting temuduga, dan video, antara lain.

KELAB MASYARAKAT BUKIT PANJANG

Kelab Masyarakat Bukit Panjang menjalankan program dapur masyarakat. Selain menawarkan penduduk yang memerlukan peluang untuk membangunkan kemahiran pemasaran dan keusahawanan, program perusahaan sosial juga berfungsi sebagai latihan dan platform pembangunan yang baik.



LEBAI MALANG: SATU PEMENTASAN INTERAKTIF

Oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Kumpulan ‘Teatro untuk kanak-kanak’, dari Politeknik Temasek akan menganjurkan sesi bercerita bahasa Melayu interaktif yang dijamin dapat menghiburkan penonton muda.

Selain belajar tentang nilai-nilai yang dibentangkan melalui cerita-cerita, para penonton juga akan dapat mengambil bahagian dalam cerita-cerita ini kerana sifat interaktifnya.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezaikan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.



GIG SASTERA: DI BAWAH SATU LANGIT

Oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Setiap tahun sejak 2011, Di Bawah Satu Langit menyatukan pemenang-pemenang Pingat Kebudayaan yang lalu dan penulis tempatan sepanjang satu petang puisi.

Ahli-ahli penonton boleh nikmati bacaan puisi oleh penulis terkenal dan juga diberi peluang untuk membaca karya-karya mereka sendiri.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezakan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.



BULAN BAHASA 2013

PERTANDINGAN BERPIDATO


Oleh Persatuan Bahasa dan Budaya NTU/NIE (PERBAYU)

Mahasiswa akan mengambil bahagian dalam pertandingan berpidato di mana mereka akan membincangkan beberapa topik yang berkaitan dengan generasi hari ini, termasuk media massa, alam sekitar dan lain-lain.

PERSATUAN BAHASA DAN BUDAYA NTU/NIE (PERBAYU)

Persatuan Bahasa dan Budaya NTU/NIE (PERBAYU) telah ditubuhkan pada tahun 1991 sebagai salah satu pertubuhan pelajar yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan (ROS).

PERBAYU telah ditubuhkan untuk membangunkan penggunaan bahasa Melayu dan untuk meningkatkan kesedaran budaya Melayu di kalangan guru-guru Melayu di Institut Pendidikan Nasional (NIE, Bukit Timah). Dengan pemindahan NIE ke kampus Universiti Teknologi Nanyang (NTU, Boon Lay), PERBAYU telah membuka pintunya kepada pelajar-pelajar Melayu di NTU.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

BICARA HATI 2 NOVELIS

Oleh Kelab Masyarakat Joo Chiat

Program ini merupakan satu perbincangan panel oleh dua orang penulis-penerbit terkemuka, Ain Maisarah dan Anuar Othman.

Cik Ain Maisarah ialah seorang novelis muda yang sangat popular di kalangan orang dewasa dan pembaca muda. Beliau digelar sebagai Penulis Remaja Malaysia Yang Paling Laris.

Beliau akan disertai oleh Encik Anuar Othman, penulis Singapura. Beliau merupakan penulis dua koleksi cerpen, 'Tekad' serta pilihan fiksyen pendek, puisi dan eseи, 'Prisma Seni'.

Kedua-dua penulis akan berkongsi pengalaman peribadi mereka menghasilkan penulisan yang membawa inspirasi kepada penonton. Mereka juga akan berkongsi pengalaman mereka sebagai penerbit, serta bagaimana mereka mempromosikan diri mereka sebagai penulis sastera melalui produk mereka.

Akan ada sesi soal jawab semasa ceramah tersebut.

KELAB MASYARAKAT JOO CHIAT

Kelab Masyarakat Joo Chiat merupakan hab seni dan budaya dengan pelbagai kumpulan menjadikannya tempat latihan mereka. Persembahan kumpulan-kumpulan seperti Opera dan Ballet popular di kalangan penduduk yang tinggal di sini. Ia ialah satu platform yang sangat baik untuk penghibur untuk memupuk dan mengasah teknik dan kemahiran mereka, dan mengaitkan diri dengan orang-orang yang mempunyai minat yang sama.



BULAN BAHASA 2013

RILEK SATU CORNER


Oleh Sri Warisan

Perbincangan kendalian Sri Warisan ini mengetengahkan kemajuan dan cabaran institusi dalam menganjurkan penerbitan, diikuti dengan segmen muzik mini yang menampilkan kumpulan teater NTU, kumpulan paluan Melayu Politeknik Republik, kumpulan tarian NUS dan Sri Warisan.

Sri Warisan akan berkongsi pengalaman mereka dan mengetengahkan masalah serta cabaran mereka.

SRI WARISAN

Sri Warisan ialah sebuah syarikat seni persembahan yang diasaskan oleh penerima Pingat budaya terkenal, Puan Som Said. Ditubuhkan pada tahun 1997, ia merupakan salah satu daripada badan penting di persada tarian Melayu Singapura. Menggabungkan bentuk tradisional yang kaya dengan teknik kontemporari merupakan keunikan Sri Warisan. Para anggotanya dilatih cemerlang dalam pelbagai bentuk seni dan disiplin seperti tarian, muzik, teater dan multi-media.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

BENGKEL PENULISAN NOVEL / CERPEN

Oleh Penulis-Penerbit Ain Maisarah


Bengkel Penulisan Cerita ini akan dikendalikan oleh penulis-penerbit terkenal Ain Maisarah.

Beliau dikenali sebagai Penulis Muda Paling Laris Malaysia dan popular di kalangan pembaca muda dan tua.

Beliau akan berkongsi tip-tip bagaimana untuk menghasilkan penulisan yang akan menyeronokkan dan menghiburkan pembaca anda serta melatih para peserta mencabar kemahiran kreatif, inovatif dan berfikir secara kritikal.

KELAB MASYARAKAT JOO CHIAT

Kelab Masyarakat Joo Chiat merupakan hab seni dan budaya dengan pelbagai kumpulan menjadikannya tempat latihan mereka. Persembahan kumpulan-kumpulan seperti Opera dan Ballet popular di kalangan penduduk yang tinggal di sini. Ia ialah satu platform yang sangat baik untuk penghibur untuk memupuk dan mengasah teknik dan kemahiran mereka, dan mengaitkan diri dengan orang-orang yang mempunyai minat yang sama.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

BENGKEL PENULISAN LAGU DAN LIRIK

Oleh Kelab Masyarakat Dover

Bengkel ini dianjurkan oleh komposer prolifik, Mohd Khair Bin Mohd Yasin, yang bakal memperkenalkan para peserta pada kemahiran asas menulis lagu dan lirik.

Dijalankan dalam Bahasa Melayu, para peserta akan dapat menikmati kebebasan bersuara yang dikaitkan dengan lagu-lagu dan penulisan lirik, sambil menikmati keseronokan dalam keindahan bahasa Melayu.

KELAB MASYARAKAT DOVER

Kelab Masyarakat Dover dikendalikan oleh Persatuan Rakyat di mana ia menyediakan pelbagai kursus pengayaan dari masakan, tarian, bahasa, sukan dan seni. Kemudahan juga disediakan bagi penggunaan dan tempahan.

KUIZ ANJUNG ILMU

Oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Pelajar-pelajar sekolah menengah dan Madrasah boleh menguji pengetahuan mereka tentang bahasa dan budaya Melayu dengan kuiz ini, yang diadakan hanya dalam Bulan Bahasa 2013.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezakan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.



BULAN BAHASA 2013

TEATER PELAJAR (PERADUAN BERBERITA DAN DRAMA MELAYU)

Oleh Kelab Teens Network

Teater Pelajar ialah peraduan bercerita dan drama Melayu yang dianjurkan untuk sekolah rendah dan menengah bagi menggalakkan pertuturan dan penggunaan bahasa Melayu.

Selain daripada menjadi platform kepada pelajar untuk mempamerkan bakat mereka dalam seni persembahan, peraduan ini bertujuan untuk memelihara akar bahasa dan tradisi Melayu, terutama dalam masyarakat progresif hari ini.

KELAB TEENS NETWORK

Kelab T-Net (Teens Network Club), sebahagian daripada rangkaian Persatuan Rakyat, ialah sebuah organisasi remaja tidak berdasarkan keuntungan yang bertujuan untuk memperkayakan kehidupan remaja di Singapura, dan memberi inspirasi kepada mereka untuk menyumbang kepada masyarakat.

Kelab T-Net ini menganjurkan pelbagai aktiviti untuk melibatkan remaja dan mengembangkan potensi mereka. Ini termasuk seni pendidikan, sosial / rekreasi, kebudayaan dan persembahan, sukan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

CILIK BERSENI: HASSAN DAN GRATAL

Oleh Variasi Performing Arts

Dipentaskan oleh Cilik-Cilik Variasi, 'Hassan dan Gratal' menceritakan kisah dua orang anak biadap yang tidak mengendahkan nasihat ibu mereka. Dalam cerita ini, kedua-dua kanak-kanak ini tidak tahu bersyukur dijaga ibu mereka dan sentiasa mengadu.

Dalam mimpiya satu malam, Hassan berjumpa beberapa watak menakutkan, termasuk tukang sihir dan watak-watak dongeng seperti Cinderella, Snow White, Pinocchio. Nenek kebayan telah melarikan beberapa kanak-kanak nakal, termasuk Hassan, sebelum mengikat mereka semua. Berjayakah Hassan menyelamatkan dirinya dan memusnahkan nenek kebayan?

Cilik Berseni juga akan mengetengahkan persembahan Angklung serta mempersembahkan beberapa lagu-lagu rakyat Melayu.

VARIASI PERFORMING ARTS

Sekumpulan aktivis muda seni menubuhkan Variasi Performing Arts pada tahun 2001. Bermula sebagai kumpulan Tarian Gemala Sari pada tahun 1996, Variasi telah berkembang menjadi sebuah pusat seni persembahan khusus untuk para belia di Singapura.

Variasi menggabungkan semua aspek seni persembahan tradisional dan kontemporari termasuk teater, tarian dan muzik. Sebagai sebuah kumpulan aktivis seni, ia bertujuan untuk memberi latihan dan pengetahuan seni dalam semua bidang industri hiburan, program pendidikan pengurusan teater dan seni.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

SIMFONI SENI: MENJUANG BAHASA

Oleh MAEC Kelab Masyarakat Jurong Green

Program ini akan menyatukan pelbagai bentuk seni Melayu, termasuk puisi oleh Haji Ali, Dondang Sayang, Silat, paluan dan tarian dalam satu persembahan.

Setiap bentuk seni akan menjelaskan, serta membolehkan ahli-ahli penonton untuk lebih memahami latar belakang budaya Melayu.

KELAB MASYARAKAT JURONG GREEN

Kelab Masyarakat Jurong Green merupakan pusat untuk seni dan pencinta muzik. Mus'Art Wind Orchestra (MWO), ditubuhkan pada tahun 1998 di bawah sayap kelab masyarakat kerap membawa muzik kepada orang ramai terutama semasa musim perayaan, di samping pelbagai persembahan konsert di dewan.

MWO, yang mempunyai lebih daripada 60 ahli, telah memenangi beberapa anugerah dalam Pertandingan Muzik Sedunia (WMC) - Anugerah Emas (divisyen 1) ketika WMC-16 (2009) di Kerkrade, Belanda, anugerah Emas (divisyen 2) ketika WMC ke-15 (2005) dan tempat kedua (dalam divisyen 3) semasa WMC ke-14.



BULAN BAHASA 2013

CITA: BAHASA DAN BUDAYA

Oleh Dr. Azhar Ibrahim

Cita akan dianjurkan sekali lagi Ogos ini dengan dua ceramah oleh tokoh-tokoh Melayu yang terkenal.

Ceramah pertama akan dikendalikan oleh Dr Mukhlis Abu Bakar, yang akan membincangkan mengenai penggunaan bahasa Melayu dan kecelikkan budaya di Singapura.

Dalam ceramah ini, peserta juga akan menikmati paluan gendang dari Kumpulan Gendang Sekolah Menengah Zhenghua yang akan mempamerkan himpunan irama-irama paluan gendang rantau Nusantara, dalam kedua-dua irama tradisional dan kontemporari.

Ceramah kedua akan dijalankan oleh pengumpul antik dan peminat budaya, Khir Johari, yang akan menyampaikan ceramah dan lawatan galeri, bersama-sama dengan Andi Zulkepli, yang akan berbicara mengenai 'Gagasan Kebudayaan Antara Intelek Melayu'.

Sesi kedua akan diakhiri dengan pementasan Panglima Awang, berdasarkan novel terkenal oleh salah seorang perintis sastera negara, Harun Aminurrashid.

DR. AZHAR IBRAHIM

Dr Azhar Ibrahim ialah Felo Pelawat di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Singapura (NUS). Minat penyelidikan beliau termasuk Sosiologi Agama, Sosiologi Sastera, Kesusasteraan Melayu klasik dan moden, bahasa Melayu dan Pembangunan Intelek. Penyelidikan yang diminati beliau juga termasuk meneroka perspektif pedagogi kritikal dan teologi transformasi.


MUKUN

Oleh Taman Warisan Melayu

Mukun merupakan satu bentuk seni persembahan Melayu yang diamalkan secara meluas di Sarawak dan Brunei. Persembahan ini menyatukan bacaan puisi dengan irama gendang Melayu.

TAMAN WARISAN MELAYU (MHC)

Dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri Encik Lee Hsien Loong pada bulan Jun 2005, Taman Warisan Melayu (MHC) memberi pendedahan budaya yang indah dan peluang pembelajaran untuk pelawat daripada semua peringkat umur dan minat. Terletak di tengah-tengah Istana Kampong Glam, Gedung Kuning dan sekitar daerah Kampong Glam, MHC bertindak sebagai institusi warisan penting bagi masyarakat Melayu di Singapura. Melalui pameran, program-program dan aktiviti-aktiviti, taman ini berharap untuk menghormati masa lalu sambil menyediakan satu wadah ekspresi masa kini. Taman Warisan Melayu kini di bawah pengurusan Lembaga Warisan Negara dengan kerjasama Yayasan Warisan Melayu.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

BENGKEL PENULISAN KREATIF


Oleh MAEC Kelab Masyarakat Telok Blangah

Dalam bengkel ini, para peserta akan digalakkan untuk membangunkan dan meningkatkan minat mereka dalam bahasa Melayu melalui penulisan kreatif.

Bengkel ini akan dibimbing oleh seorang penulis tempatan yang terkenal, Sarifah Yatiman, yang akan berkongsi beberapa contoh penulisan beliau. Di akhir sesi, peserta akan digalakkan untuk menghantar karya kreatif mereka sendiri.

KELAB MASYARAKAT TELOK BLANGAH

Kelab Masyarakat Telok Blangah dikendalikan oleh Persatuan Rakyat di mana ia menyediakan pelbagai kursus pengayaan dari masakan, tarian, bahasa, sukan dan seni. Kemudahan juga disediakan bagi penggunaan dan tempahan.



People's Association



BULAN BAHASA 2013


SEMBANG-SEMBANG PENULIS

Oleh MAEC Kelab Masyarakat Telok Blangah

Dibimbing oleh komposer Melayu prolifik, Khair Bin Md Yassin, bersama penulis Singapura, Hasaree Hassan Ali dan Ahmad Md Tahir, yang merupakan-penerima beberapa anugerah, acara ini akan menampilkan perbincangan mengenai penulisan kreatif di mana penulis membincangkan pengalaman mereka menulis dan memberikan tip-tip untuk individu yang mempunyai cita-cita menjadi penulis kreatif.

KELAB MASYARAKAT TELOK BLANGAH

Kelab Masyarakat Telok Blangah dikendalikan oleh Persatuan Rakyat di mana ia menyediakan pelbagai kursus pengayaan dari masakan, tarian, bahasa, sukan dan seni. Kemudahan juga disediakan bagi penggunaan dan tempahan.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

PESTA BAHASA 2013

Oleh Kelab Masyarakat Bukit Batok East

Dalam pertandingan Bahasa Melayu ini, enam buah sekolah rendah akan bersaing dalam pelbagai kategori seperti menulis, membaca puisi, menyanyi dan membuat persembahan rap selain bertindak.

Para pelajar akan digalakkan untuk memanfaatkan kreativiti mereka untuk memenangi pertandingan.

KELAB MASYARAKAT BUKIT BATOK EAST

Kelab Masyarakat Bukit Batok East menawarkan para penduduk sebuah tempat yang luas untuk pelbagai acara. Penduduk boleh menyewa dewan serbaguna berhawa dingin, yang boleh dibahagikan kepada tiga bahagian untuk kumpulan-kumpulan kecil.

Bagi peminat kecergasan, kelab masyarakat ini mempunyai gimnasium yang lengkap dengan kemudahan mandi. Penduduk juga boleh melayari internet di e-Club atau menyanyi sepuas hati mereka di ruang karaoke.

FORUM PENULIS

Oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Forum yang bertajuk, 'Membina Masyarakat melalui Kesusastraan dan Kesenian' akan membincangkan isu-isu berkaitan persada sastera dan seni Melayu, bersama Dr Zakaria Ali dan penulis Singapura, Alfian Saat & Rasiah Halil.

Dalam perbincangan itu, pembentang juga akan berkongsi pengalaman peribadi mereka sebagai penulis dalam masyarakat Melayu.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezakan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.



BULAN BAHASA 2013

SOLILOQUY

Oleh Perkumpulan Seni

Soliloquy ialah satu pertandingan drama solo anjuran Perkumpulan Seni, bagi belia. Dalam pusingan akhir pertandingan ini, para peserta akan mempamerkan bakat mereka dan melafazkan monolog dalam bahasa Melayu.

PERKUMPULAN SENI

Perkumpulan Seni ialah sebuah badan kebudayaan yang ditubuhkan pada 8 Julai 1956. Selain sastera, kumpulan ini turut menganjurkan aktiviti dalam bidang drama, tarian tradisional Melayu, dan muzik.

Kumpulan ini telah mengeluarkan dua buah buku tahun ini. Buku pertama ialah sebuah skrip drama televisyen yang memenangi anugerah bertajuk 'Gerimis Di Hati', yang ditulis bersama oleh Amanah Mustafi, Hamed Ismail, Hartina Ahmad dan Samsudin Said. Buku kedua ialah antologi puisi yang ditulis oleh Hamed Ismail.

GAJAHPRESTASI

Oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Gajahprestasi ialah satu persaingan tafsiran seni yang menarik di mana peserta perlu mentafsir cerita pendek terpilih yang ditulis oleh Dr Zakaria Ali (Malaysia) melalui pelbagai bentuk seni 2-Dimensi.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA (NLB)

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezakan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.



BULAN BAHASA 2013

CINTAI BAHASA MELAYU DAN GERAK KEUSAHAWANAN

Oleh NowAsia

Dalam pusingan akhir 'Cintai Bahasa Melayu dan Gerak Keusahawanan' para pelajar akan mengusulkan cadangan perniagaan mereka kepada usahawan tempatan sambil mengasah penggunaan dan penyampaian bahasa Melayu mereka.

Acara ini dianjurkan oleh Abu Ayubul Ansari, pengasas NowAsia dan usahawan yang memenangi anugerah.

ENCIK ABU AYUBUL ANSARI

Abu Ayubul Ansari ialah pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif NowAsia. Beliau mempunyai komitmen yang mendalam ke arah kejayaan anak-anak muda dalam bidang keusahawanan dan kepintaran kewangan. Beliau kini merupakan Ketua Kelab Usahawan Muda, Mantan Presiden Rangkaian Usahawan Muda (YEN) Dewan Perniagaan Melayu Singapura, bekas Presiden kelab Toastmaster Leng Kee dan *Toastmaster* yang berkelayakan.

Abu Ayubul Ansari ialah pemenang Anugerah SOE – *Spirit of Enterprise* (Semangat Keusahawanan) 2005, diberikan oleh mantan Presiden Singapura, Encik SR Nathan, yang mengiktiraf individu atas usaha keusahawanan cemerlang mereka. Beliau juga telah dipilih sebagai Usahawan Muda Cemerlang ASEAN 2011 di Hanoi.



BULAN BAHASA 2013

SESI PERKONGSIAN USAHAWAN DAN PERTANDINGAN MENULIS RENCANA

Oleh NowAsia

Sesi ini menyatukan beberapa usahawan dan wartawan tempatan dari masyarakat Melayu yang akan mengetua sebuah sesi perkongsian dan taklimat penulisan sebuah rencana.

Abang Abu (NowAsia), Sujimy Mohamad (Screenbox), Ridjal Noor (PullUpStand) dan Roszilah M Nor (Heiraz Bakery) akan berkongsi pengalaman mereka sebagai usahawan sambil menyediakan tip-tip untuk bakal usahawan memasarkan produk-produk mereka.

Ini akan diikuti dengan sebuah sesi oleh Fadilah Majid dari ruang Ekoniaga Berita Harian yang akan berkongsi dengan para pembaca tip-tip mengenai penulisan berkesan.

ENCIK ABU AYUBUL ANSARI

Abu Ayubul Ansari merupakan pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Now Asia. Beliau mempunyai komitmen yang mendalam terhadap kejayaan golongan muda dalam keusahawanan dan bijak kewangan. Beliau merupakan Ketua Young Entrepreneurs Club, Bekas Presiden Young Entrepreneurs Network (YEN) dari Singapore Malay Chamber of Commerce & Industry, bekas Presiden Leng Kee Toastmaster's Club dan seorang "toastmaster" bertauliah.

Abu Ayubul Ansari juga adalah seorang pemenang Anugerah SOE (Spirit of Enterprise) pada tahun 2005 yang dianugerahkan oleh Presiden Singapura sebelum ini, Encik S.R. Nathan. Anugerah ini mengiktiraf individu-individu dalam usaha cemerlang mereka dalam keusahawanan. Beliau juga dipilih sebagai ASEAN Outstanding Young Entrepreneur pada 2011 di Hanoi.



BENGKEL BAHAS: HUJAHAN KATA


Oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) and Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM)

Dengan kerjasama 4PM, kami akan mengadakan satu bengkel bahas yang terbuka buat pelajar peringkat menengah. Ianya bukan hanya membimbing peserta tentang ilmu perbahasan malah menyumbang kepada kemahiran mendapatkan maklumat bagi keperluan kajian.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA

NLB menyelia Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam dan Arkib Negara. Mengikut konvensyen antarabangsa, fungsi kedua-dua jenis perpustakaan berlainan dan dibezakan.

Misi NLB adalah untuk menyediakan perpustakaan mudah akses yang dipercayai dan global dengan perkhidmatan maklumat melalui Perpustakaan Awam dan satu rangkaian Perpustakaan Negara yang komprehensif. 31 buah perpustakaan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi juga di bawah pengurusan NLB. Melalui penggunaan teknologi inovatif dan kerjasama dengan rakan-rakan sokong strategik, NLB memastikan pengguna perpustakaan mempunyai akses pada pelbagai perkhidmatan yang kaya maklumat dan sumber-sumber yang mudah didapati dan relevan.



People's Association



BULAN BAHASA 2013

PESTA SYAIR

Oleh Kelab Masyarakat Geylang Serai

Acara ini adalah sebuah peraduan syair kreatif untuk pelajar sekolah rendah darjah 3 hingga 6.

Tontoni pertandingan ini di mana belia akan membaca syair untuk memikat penonton.

KELAB MASYARAKAT GEYLANG SERAI

Kelab Masyarakat Geylang Serai dikendalikan oleh Persatuan Rakyat di mana ia menyediakan pelbagai kursus pengayaan dari masakan, tarian, bahasa, sukan dan seni. Kemudahan juga disediakan bagi penggunaan dan tempahan.



BULAN BAHASA 2013

SENARAI RAKAN SOKONG

1. Ain Society
2. Persatuan Penyanyi dan Karyawan Muzik Singapura (PERKAMUS)
3. Club HEAL
4. EyePower Games
5. Persatuan Bolasepak Singapura (FAS)
6. Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah
7. Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah
8. Madrasah Aljunied Al-Islamiah
9. Taman Warisan Melayu
10. Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF)
11. Universiti Kebangsaan Singapura (NUS)
12. Universiti Teknologi Nanyang (NTU)
13. Majlis Pembangunan Buku Singapura
14. Institut Pendidikan Nasional (NIE)
15. Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)
16. NowAsia
17. Persatuan Rakyat (PA)
18. Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu
19. Sekolah Menengah Jiemin
20. Sekolah Rendah Sembawang
21. Persekutuan Silat Singapura (PERSISI)
22. Sri Warisan
23. Teater Artistik
24. Kelab Teens Network
25. Politeknik Temasek (TP)
26. Variasi Performing Arts
27. Vocaluptuous

PENAJA

1. Fraser and Neave Limited (F&N)

RAKAN SOKONG RUANG DAN TEMPAT

1. Muzium Tamadun Asia (ACM)
2. Sekolah Rendah Blangah Rise
3. Kelab Masyarakat Bukit Batok East
4. Kelab Masyarakat Bukit Panjang
5. Kelab Masyarakat Clementi
6. Kelab Masyarakat Dover
7. Taman Warisan Melayu



BULAN BAHASA 2013

8. Theatrette Kelab Masyarakat Marine Parade
9. Lembaga Perpustakaan Negara
10. Kelab Masyarakat Siglap South
11. Kelab Masyarakat Telok Blangah